



ملاك هاري اين

**Selamat  
Menyambut  
Tahun  
Baru Cina  
2021**



## Rumah untuk rakyat Melaka

Eksklusif  
MHI

**LEMBAGA** Perumahan Melaka (LPM) sudah mengenal pasti beberapa tapak untuk projek rumah mampu milik. Langkah itu selaras dalam usaha untuk memastikan 88 peratus rakyat Melaka dapat memiliki rumah menjelang 2030.

4 & 5



'Pecutan terakhir'  
calon SPM 2020

8

'Spiderman' jual  
mangga asam boi

20

Enam lokasi memancing  
popular di Melaka

21



## E-BILLING

PERKHIDMATAN BIL SECARA ATAS TALIAN

- 01 SEMAKAN DAN CETAKAN 12 BULAN BIL PENGGUNAAN AIR
- 02 PENGEMASKINIAN MAKLUMAT PENGGUNA

DAFTAR E- BILLING SEKARANG  
[HTTP://BILLING.SAMB.COM.MY/SAMB\\_EBILLING](http://BILLING.SAMB.COM.MY/SAMB_EBILLING)



# Ketua Menteri, isteri ucap Selamat Tahun Baru Cina

**BAGI** pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua yang meraikannya di Malaysia, khususnya di Negeri Melaka. Gong Xi Fa Cai!

Tahun Baru Cina merupakan perayaan yang paling penting dalam masyarakat Cina bukan sahaja di Malaysia, bahkan di seluruh dunia. Sungguhpun begitu, sejak berlakunya pandemik COVID-19, kita semua terpaksa berdepan dengan kehidupan yang sangat mencabar.

Semua majlis-majlis perayaan tidak lagi dapat disambut secara besar-besaran. Rakyat perlu menjalani kehidupan norma baru di samping mematuhi segala Prosedur Operasi Standard atau SOP yang telah dikuatkuasakan.

Walau bagaimanapun, saya tidak mahu rakyat bersedih mahupun putus asa. Teruskanlah menyambut pera-

yaan tradisi ini secara bersederhana dengan mematuhi SOP.

Saya yakin dengan usahasama semua rakyat Melaka, sambutan Tahun Baru Cina berzodiak 'Lembu' yang melambangkan sifat rajin, bertanggungjawab, sabar dan penyayang ini, akan menjadi pemangkin ketabahan untuk kita sama-sama memerangi wabak ini, seterusnya ke arah kebangkitan semula pembangunan ekonomi Negeri Melaka. Selamat Menyambut Tahun Baru Cina 2021.

Gong Xi Fa Chai, Xin Nian Kuai Le,  
Wan Shi Ru Yi.



**Setiausaha Perhubungan MCA Melaka merangkap Ketua Bahagian MCA Jasin, Yong Fuan Juan**

TAHUN Lembu (Ox) 2021 adalah tahun paling mencabar kepada semua lapisan masyarakat disebabkan pandemik COVID-19.

Saya berharap Tahun Lembu 2021 yang mempunyai sifat semangat kental, sentiasa berusaha, taat, berdisiplin dan tabah ini dapat menyatukan semua lapisan masyarakat dalam menghadapi cabaran pandemik ini demi kesejahteraan dan kemakmuran semua.



**Pengurusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Melaka, Damian Yeo Shen Li**

SELAMAT Tahun Baru Cina saya ucapkan kepada semua warga Melaka yang berbangsa Cina dan juga kepada semua yang bercuti raya.

Semoga perayaan kali ini dapat mengeratkan hubungan antara kaum dan agama.

Patuhilah SOP penjarakan sosial, pakai pelitup muka dan sentiasa basuh tangan.



**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong**

TAHUN ini kita menyambut perayaan Tahun Baru Cina dalam norma baru.

Walaupun suasana perayaan berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini tetapi nilai-nilai murni yang dikongsi melalui perayaan Tahun Baru Cina seperti semangat kekeluargaan, keharmonian, kasih sayang dan semangat kebersamaan akan tetap diwarisi dan diperkuuhkan dalam norma baru.



**Pengurusi Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) Melaka, Datuk Ng Choon Koon**

DI kesempatan ini saya mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua di Melaka serta Malaysia amnya.

Umum mengetahui, kita masih 'berperang' dengan pandemik COVID-19, sudah tentu suasana perayaan kali ini agak berbeza memandangkan kita mengamalkan kehidupan dalam norma baru.



**Pengurusi Persatuan Wartawan Melaka, Ngui Mee Ki**

SELAMAT Tahun Baru Cina kepada semua masyarakat Tionghua dan selamat bercuti kepada rakan kaum lain.

Tahun ini sememangnya amat mencabar buat kita memandangkan pandemik COVID-19 terus menular buat masa ini.

Harapan kita sudah tentu untuk membasmi wabak 'pembunuhan' tersebut, dengan mengharapkan setiap individu dalam negara ini bersama-sama mengamalkan SOP yang ditetapkan oleh KKM.





MOHD Salleh

Farah Suhaidah Othman

**AYER KEROH** – Bagi merancakkan pembangunan sektor perumahan negeri, Lembaga Perumahan Melaka (LPM) menubuhkan anak syarikat, LPM Development Sdn Bhd bagi membina dan menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.

Pengarah Eksekutif LPM, Mohd Salleh Hamidom berkata, penubuhan anak syarikat itu yang mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri diayakini dapat membantu rakyat negeri ini untuk memiliki kediaman sendiri.

Katanya, anak syarikat itu mempunyai peranan yang besar dalam memberi fokus terhadap pembinaan kategori rumah mampu milik termasuk rumah kos rendah dan sederhana.

"LPM menerusi LPM Development Sdn Bhd akan bertindak sebagai pemaju dengan membangunkan sendiri projek perumahan di negeri ini dengan menumpukan 100 peratus



LPM menerusi LPM Development Sdn Bhd akan bertindak sebagai pemaju dengan membangunkan sendiri projek perumahan di negeri ini dengan menumpukan 100 peratus rumah mampu milik. (Foto MR Azli)

rumah mampu milik.

"Walaupun LPM sudah menubuhkan anak syarikat, projek usaha sama dengan pemaju swasta masih diteruskan kerana mereka memberikan kerjasama yang baik dalam membangunkan rumah mampu milik.

"Usaha sama itu perlu diteruskan dan pertingkatkan kerana tanggungjawab bukan sahaja terletak kepada kerajaan, malah pemaju swasta dan LPM hargai kerjasama itu," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI) di pe-

jabatnya di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd Salleh berkata bagi merealisasikan pembangunan itu, pihaknya sudah mengenal pasti beberapa kawasan boleh dibangunkan untuk projek perumahan rumah mampu milik kepada rakyat negeri ini secara berperingkat.

"Setakat ini, LPM mengenal pasti dan sebahagiannya sudah selesai dalam proses pembelian tanah membabitkan kawasan seluas lebih 200 ekar (80.9 hektar) yang akan dibangun-

kan anak syarikat.

"Antaranya termasuk kawasan di mukim Sungai Baru Ilir seluas 18.19 ekar (tujuh hektar) dengan pembinaan 23 unit rumah kos rendah dan 23 unit rumah kos sederhana serta 115 unit rumah mampu milik dengan 184 unit rumah mampu milik dengan dua kelepasan berbeza.

"Juga kawasan di mukim Machap, daerah Alor Gajah seluas 97.04 ekar (39.2 hektar), mukim Rembia, Alor Gajah seluar 50 ekar (20.2 hektar) manakala di mukim

Merlimau, Jasin seluas 50 ekar (20.2 hektar) dan mukim Kuala Sungai Baru, Alor Gajah seluas 20 ekar (8 hektar)," katanya.

Menurutnya, dari segi penyediaan rumah mampu milik pada masa akan datang, ia menjadi fokus utama LPM untuk mensasarkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat negeri kepada 88 peratus menjelang 2030.

"Dari segi dasar, kita kekal setiap projek perumahan melebihi lapan ekar (3.2

hektar) perlu ada komponen 50 peratus terdiri daripada rumah kos rendah.

"Pemilikan rumah bagi rakyat negeri ini setakat ini mencapai 83 peratus manakala masih ada baki 15 hingga 16 peratus yang masih belum memiliki rumah.

"Jadi, perancangan kita dalam tempoh 10 tahun lagi kita cuba sasarkan yang terbaik sehingga 88 peratus, bermaksud kita perlu membina kira-kira 39,000 unit rumah lagi untuk mencapai sasaran itu," katanya.

## Harga rumah Melaka terendah di Malaysia

**SEBAGAI** usaha memastikan harga rumah di Melaka kekal rendah berbanding negeri lain, LPM akan merangka strategi dalam memastikan rakyat negeri ini dapat memiliki rumah dengan harga berasa-

patutan.

Mohd Salleh berkata, berdasarkan laporan Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta (JPPH), sehingga suku kedua tahun 2020, harga rumah di Melaka adalah paling rendah dengan purata RM195,661 berbanding purata campuran negeri-negeri lain di Malaysia iaitu sebanyak RM427,882.

"Berdasarkan kepada laporan JPPH, sehingga suku kedua tahun 2020, negeri Melaka telah menunjukkan perkembangan yang

positif di mana harga rumah di Melaka adalah yang paling rendah di Malaysia.

"LPM akan terus merangka strategi bagi memastikan harga rumah di Melaka kekal rendah berbanding negeri-negeri lain untuk tahun-tahun yang akan datang," katanya.

Sementara itu, Mohd Salleh menjelaskan, jumlah unit kediaman yang tidak terjual di negeri ini masih dalam keadaan terkawal.

"Unit-unit kediaman siap yang dibina dan tidak terjual di Melaka adalah terkawal walaupun keadaannya tidak seterusnya dengan negeri-negeri lain yang meningkat begitu ketara sekali."

"Di Melaka unit rumah tidak terjual (selepas Sijil Penyiaian dan Pematuhan) adalah sebanyak 412 unit melibatkan nilai sebanyak RM253,835,825," jelasnya.



BERDASARKAN laporan JPPH, sehingga suku kedua tahun 2020, harga rumah di Melaka adalah paling rendah di Malaysia dengan purata RM195,661. (Foto MR Azli)

### WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.46 pm	7.28 pm	8.38 pm
16 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.46 pm	7.28 pm	8.38 pm
17 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.45 pm	7.28 pm	8.38 pm
18 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.28 pm	4.45 pm	7.28 pm	8.38 pm
19 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.27 pm	4.45 pm	7.28 pm	8.38 pm
20 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.27 pm	4.44 pm	7.28 pm	8.38 pm
21 FEBRUARI 2021	6.15 am	7.24 am	1.27 pm	4.44 pm	7.28 pm	8.38 pm

# Cadang bank longgarkan syarat - Choon Koon

Faiz Hasan

**PERSATUAN** Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) Melaka menyarankan pihak bank melonggarkan syarat pembiayaan pinjaman perumahan di negeri ini.

Pengerusinya, Datuk Ng Choon Koon berkata, perkara tersebut adalah bagi memastikan rakyat negeri ini mampu memiliki rumah sendiri dalam tempoh dua tahun ini berikutan harga rumah dijangka meningkat 15 hingga 20 peratus selepas tempoh tersebut. Menurutnya, jangkaan itu mengambil kira faktor harga barang bahan binaan yang kian meningkat selain kemasukan pekerja buruh asing yang terhad.

"Kita akur dalam tempoh penularan pandemik COVID-19 ini dan pihak bank perlu mengambil kira risiko serta pulangan dari pelanggan mereka, namun perkara ini perlu dititikberatkan bagi memberi jaminan kepada pelanggannya untuk memiliki rumah."

"Hal ini mendapat sebanyak 40 peratus pemohon gagal menerima pinjaman sebanyak 90 peratus dari pihak bank disebabkan syarat yang begitu ketat."

"Pihak bank perlu melaksanakan inisiatif terbaik dalam memberi peluang kepada pemohon yang bekerja sendiri kerana ada sesetengah mereka tidak mempunyai caruman pekerjaan dan membuatkan mereka gagal memiliki rumah sendiri," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Tambahnya, dalam tempoh dua tahun ini merupakan tempoh terbaik untuk memiliki rumah disebabkan harganya yang mampu milik malah pelbagai inisiatif ditarikhkan kerajaan negeri seperti Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang mengecualikan duti setem kepada pembeli.



CHOON Koon

## Pengambilan pekerja asing

# Saran kerajaan kaji semula - PKMM

Farah Suhaidah Othman

**PERSATUAN** Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Melaka menyarankan kerajaan mengkaji semula beberapa perkara termasuk isu kekurangan pekerja asing bagi membolehkan sektor pembinaan bernaafas semula ekoran terjejas akibat pandemik COVID-19.

Yang Dipertua, Datuk Tajudin Husin berkata, pihaknya berdepan dengan penguncutan dari segi keuntungan dan penyediaan projek sehingga 40 peratus akibat pandemik itu.

Katanya, ia berikutkan kebanyakan kontraktor mengalami masalah pengambilan pekerja asing yang semakin kekurangan selain terpaksa menanggung kos ujian calitan bagi setiap pekerja asing yang sebelum ini tidak termaktub dalam kontrak pengambilan pekerja.

"Sehubungan itu, pihak kontraktor memohon supaya kerajaan mengkaji semula kemasukan pekerja asing serta memberi kelonggaran kepada kontraktor gred rendah bagi menggaji pekerja asing tanpa menggunakan orang tengah atau agen, yang mengenakan kos sehingga RM6,000 bagi seorang pekerja."

"Contohnya, bagi kontraktor gred satu hingga gred tiga, mereka perlu diberi kelonggaran dengan pemberian permit atau kuota syarikat bagi mengambil pekerja asing" katanya ketika ditemui di pejabat PKMM di sini.



TAJUDIN



ASMUNI

Mengulas lanjut, beliau berkata kebanyakan kontraktor turut berdepan dengan kenaikan harga bahan mentah binaan, terutamanya besi dengan kenaikan sehingga 30 peratus.

"Sebagai contoh, jika harga rumah ditetapkan Melaka Finance House sebanyak RM80,000 atau SPNB (Syarikat Perumahan Negara Berhad) tetapkan harga rumah sebanyak RM60,000, tetapi harga barang naik, jadi dalam situasi itu kontraktor tidak mendapat keuntungan."

"Sehubungan itu, pihak kontraktor menyarankan agar kerajaan menetapkan harga siling bagi bahan binaan supaya pembekal tidak memanipulasi harga berkenaan."

"Kalau dulu, harga besi konkrit, RM2,200 per tan namun harga terkini bahan itu mencecah sehingga RM3,000 per tan."

"Jadi, kita mohon kerajaan mengkaji semula dan memberi perhatian terhadap harga bahan binaan," katanya.

Sementara itu, Setiausaha PKMM, Asmuni Sajat berkata sekiranya kerajaan membenarkan kontraktor rendah itu dibenarkan mengambil pekerja asing secara terus, kaedah itu dapat meningkatkan ekonomi syarikat.

"Itu rantaian konsep yang perlu diberi perhatian bagi mengelakkan syarikat kontraktor kecil itu daripada 'gulung tikar' dan menjana sumber pendapatan sendiri," katanya.

## PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) & PERUMAHAN MAMPU MILIK (RMM) NEGERI MELAKA - SEHINGGA 10 FEBRUARI 2021

### PROJEK PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI / AGENSI KERAJAAN NEGERI DAN PEMAJU SWASTA

PROJEK	RMM SIAP (UNIT)	BUKAN RMM SIAP (UNIT)	RMM DALAM PEMBINAAN (UNIT)	BUKAN RMM DALAM PEMBINAAN (UNIT)	RMM DALAM PERANCANGAN (UNIT)	BUKAN RMM DALAM PERANCANGAN (UNIT)	JUMLAH RMM	JUMLAH BUKAN RMM
RUMAH MAMPU MILIK PENSWASTAAN (USAHASAMA LPM & SWASTA)	3,093	232	7,497	13,212	7,729	3,063	18,319	16,507
PERMOHONAN PEMAJU PERUMAHAN (PINDAAN RUMAH KOS RENDAH KEPADA RUMAH MAMPU MILIK)	1,036	0	1,065	769	1,592	989	3,693	1,758
RMM OLEH JABATAN & AGENSI KERAJAAN	432	0	320	134	1,537	413	2,289	547
RUMAH MAMPU MILIK PEMAJU SWASTA	1,020	1,356	0	296	4,743	13,298	5,763	14,950
	5,581	1,588	8,882	14,411	15,601	17,763	30,064	33,762
JUMLAH KESELURUHAN BAGI PROJEK NEGERI MELAKA								

## PROJEK PERUMAHAN KERAJAAN PERSEKUTUAN / AGENSI PERSEKUTUAN

PROJEK	RMM SIAP (UNIT)	BUKAN RMM SIAP (UNIT)	RMM DALAM PEMBINAAN (UNIT)	BUKAN RMM DALAM PEMBINAAN (UNIT)	RMM DALAM PERANCANGAN (UNIT)	BUKAN RMM DALAM PERANCANGAN (UNIT)	JUMLAH RMM	JUMLAH BUKAN RMM
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) JABATAN PERUMAHAN NEGARA	0	0	375	0	0	0	375	0
PERUMAHAN MAMPU MILIK OLEH SYARIKAT PERUMAHAN NEGARA BERHAD (SPNB)	498	0	0	0	0	0	498	0
PERUMAHAN PENJAWAT AWAM (PPA1M)	386	0	891	0	0	0	1,277	0
PERUMAHAN MAMPU MILIK OLEH PR1MA	0	0	11,078	0	1,760	0	12,838	0
	884	0	12,344	0	1,760	0	14,988	0
JUMLAH KESELURUHAN BAGI PROJEK PERSEKUTUAN								
	6,465	0	21,226	0	11,361	0	45,052	33,762
JUMLAH KESELURUHAN								

Wabak denggi

# Lapan lokaliti aktif direkodkan

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**SERI NEGERI** - Terdapat lapan lokaliti aktif wabak denggi telah direkodkan di Melaka setakat 9 Februari lepas yang mana kesemuanya membabitkan daerah Melaka Tengah.

Pengerusi Jawatankuasa Kesehatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, lapan kawasan tersebut ialah di Pangaspuri Tasik Utama, Flat Sri Temenggong, Taman Kenanga Seksyen 2, Kampung Pulau Samak, Kampung Paya Ikan, Taman Kenanga Seksyen 3, Jalan Sekolah Limbongan dan Taman Kenanga Seksyen 1.

Beliau berkata, meskipun lokali wabak menunjukkan peningkatan dalam tempoh beberapa minggu, namun jumlah kes denggi di negeri ini masih menunjukkan penurunan 45.59 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu apabila hanya merekod keseluruhan 142 kes.

"Buat masa ini, Melaka Ten-

gah masih menjadi daerah yang mencatat kes denggi tertinggi iaitu sebanyak 113 kes setakat 9 Februari. Bagaimanapun jumlah itu menurun 38.59 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Daerah Alor Gajah dan Jasin pula menunjukkan penurunan ketara apabila masing-masing hanya merekodkan 20 dan sembilan kes sahaja secara kumulatif setakat ini sekali gus menunjukkan penurunan 50 dan 75.98 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, sepanjang tempoh sama juga, tiada sebarang kes kematian denggi direkodkan di negeri ini.

"Ia sama sekali berbeza berbanding tempoh sama tahun lalu yang merekodkan dua kematian," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya bersama Jabatan

Kesihatan Negeri Melaka akan terus memantau dan memeriksa premis-premis di sekitar negeri ini bagi memastikan kebersihan kawasan terus terpelihara sekaligus gus berupaya mencegah nyamuk Aedes daripada membiak.

"Buat masa ini sebanyak 11,665 buah premis telah diperiksa di mana 490 (4.20 peratus) daripadanya adalah kawasan positif pembiakan. Selain itu kita telah mengelu-

kan 169 kompaun di bawah Akta Serangga Pembawa Penyakit bagi premis yang didapati menjadi penyebab pembiakan Aedes.

"Kita berharap Kempen '1 Jam Setiap Sabtu' untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes yang telah diwujudkan akan terus menjadi panduan masyarakat dalam usaha mengurangkan kes denggi di negeri ini," katanya lagi.



## ATA IMS Berhad sumbang 1,500 beg sekolah

**Liana Sahabudin**

**SERI NEGERI** – Syarikat ATA IMS Berhad menyumbang 1,500 beg sekolah untuk diajukan kepada murid dan pelajar kurang berkemampuan di negeri ini.

Sumbangan itu diterima Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali.

Ketua Pegawai Operasi merangkap Pengarah Eksekutif ATA IMS Berhad, Datuk G. Balachandran berkata, ia merupakan program tanggungjawab sosial (CSR) pihaknya bersama Kerajaan Melaka.

"Kita semua punya tanggungjawab untuk membantu pelajar sebab sekarang semua orang dalam kesusaahan lagi-lagi dalam tempoh pandemik COVID-19.

"Jadi saya rasa ini adalah tanggungjawab bersama. Kita serahkan beg sekolah kepada kerajaan negeri untuk diserahkan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada MHI selepas menyalurkan sumbangan beg sekolah di Seri Negeri, baru-baru ini.

Menurut G. Balachandaran, pihaknya memilih untuk menyumbangkan beg sekolah kerana ia antara barang keperluan buat murid dan pelajar sekolah.

"Kita harap ini dapat membantu mereka yang memerlukan dan Kerajaan Melaka mempunyai senarai bagi mereka yang layak terima bantuan," katanya lagi.

**“**Jadi saya rasa ini adalah tanggungjawab bersama. Kita serahkan beg sekolah kepada kerajaan negeri untuk diserahkan kepada mereka yang memerlukan. **”**



**MUHAMMAD Jailani**

**KUALA LINGGI** – Kerajaan negeri akan memperuntukkan RM16 juta bagi membangunkan pusat pelancongan baharu di Bukit Gapis sebagai lokasi peranginan rekreasi keluarga.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, satu kertas kerja sedang dikemukakan pihaknya kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terhadap pembangunan terbabit.

Katanya, pembangunan pelancongan di kawasan itu akan diselenggara sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan tidak akan diswastakan dalam skala besar disebabkan sumbernya yang begitu terhad.

"Bagaimanapun kita akan serahkan penyelenggaraan ini kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) kawasan itu bagi memajukan pusat rekreasi keluarga terbaharu di negeri ini dengan pelbagai tarikan termasuk aktiviti perkhemanan, perkelahan dan menyelusuri

## RM16 juta ‘hidupkan’ pusat rekreasi Bukit Gapis

hutan.

"Bukit Gapis atau lebih dikenali sebagai 'gunung' tertinggi di Melaka mempunyai tarikan lain juga kerana banyak ditumbuhui pokok enau dan ini juga boleh diketengahkan sebagai antara lokasi agropelancongan di Melaka dalam penghasilan buah kabung pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas melakukan lawatan di ladang nanas Fionanas di Nusa Dusun Kuala Linggi, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Datuk Wira Ar. Is-

mail Othman; Pengarah Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Melaka, Shaari Basiron.

Terdahulu, MHI melaporkan Bukit Gapis terletak di Nyalas didakwa sebagai puncak yang tertinggi di Melaka berbanding Bukit Batu Lebah dan berpotensi menjadi pusat pelancongan baharu di negeri ini.

Bukit Gapis dengan ketinggian mencecah hampir 512 meter mempunyai pelbagai tarikan termasuk menjadi titik sempadan antara Melaka dan Negeri Sembilan dan dipercayai mempunyai nilai sejarah yang dikatakan menjadi tempat perlindungan kaum wanita pada zaman penjajahan Jepun sekitar 1940-an.



**PEMANDANGAN** dari puncak Bukit Gapis, Nyalas, yang didakwa sebagai yang tertinggi di Melaka bakal dijadikan sebagai sebuah pusat rekreasi keluarga.



# Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA  
TUN SERI SETIA (DR.)  
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH  
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

**DATUK SERI UTAMA**

Sempena:

**Hari Wilayah Persekutuan 2021**

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DIPERTUA AGONG XVI**

Ikhlas daripada:



**YAB DATUK SERI UTAMA HJ SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

# Abang bomba 'bermandi peluh'

**REMBIA** - Enam pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka 'bermandi keringat' membina rumah seorang penduduk di Kampung Solok Seberang Perai, Sungai Petai, di sini, sejak awal bulan lalu.

Pembinaan itu antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) JBPM bagi membantu pemiliknya, Zakaria Abdul Rahman, 57, yang kehilangan tempat tinggal dalam kebakaran pada 9 September tahun lepas.

Ketua JBPM Zon 2 (Alor Gajah/Masjid Tanah), Pengetua Bomba Rohaya Alias berkata, pihaknya berterima kasih atas bantuan diberikan keenam-enam pegawai dari empat Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) di negeri ini.

Katanya, mereka ialah Pegawai Bomba Kanan II (PBK II) Jamian Salleh dari BBP Padang Temu, PBK II Zulkarnain Hamid (BBP Jasin Bestari), PBK II Mohd Nizam Abdullah dan PB Amirul Adli Rohni (BBP Masjid Tanah) dan PBK II Mohd Wira Mohd Saad serta PBK II Mazlan Abu Hasan (BBP Alor Gajah).

"Pembinaan rumah ini dimulakan pada 7 Januari lalu dan dijangka siap sepenuhnya 4 April depan."

"Bagi Zon Alor Gajah/Masjid Tanah, projek ini adalah yang pertama selepas dua projek sama dibuat di Ayer Keroh tahun lalu," katanya ketika ditemui di lokasi pembinaan di Kampung Solok Seberang Perai, Sungai Petai baru-baru ini.

Bagi Jamian, meskipun terpaksa bermandi peluh di bawah terik matahari, mereka tabah menghadapi cabaran semata-mata untuk membantu menyediakan kediaman selesa buat Zakaria sekeluarga.

"Rumah dengan keluasan 22 x 34 kaki (kira-kira 6.7 x 10.35 meter) ini kami bina dengan kasih sayang sesama insan bagi mereka yang kehilangan harta benda akibat kebakaran," katanya.

Sementara itu, Penghulu Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia, Ali Hassan Ahmad Shamsuddin berkata, peruntukan RM40,000 projek itu disumbangkan Lembaga Perumahan Melaka (LPM) manakala kerajaan negeri melalui Tabung Bencana Alam menyediakan sumbangan RM3,000.

Katanya, projek itu dilaksanakan melalui kerjasama Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah dengan pelbagai agensi kerajaan terutama JBPM yang menyediakan tenaga kerja secara gotong-royong.

Dalam kejadian pada petang 9 September tahun lepas, Zakaria dan ibunya, Ramlah Desot, 72, serta adiknya, Mokhtar, 56, tinggal sehelai sepinggang selepas kediaman mereka hangus.



ANGGOTA bomba membina semula rumah Zakaria di Kampung Solok Seberang Perai, Sungai Petai, Alor Gajah.

# 'Pecutan terakhir' calon SPM 2020

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**AYER KEROH** – Pelbagai kaedah dipraktikkan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 untuk mengulang kaji pelajaran di saat akhir sebelum menduduki peperiksaan sebenar pada 22 Februari ini.

Bagi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SM-K) Dang Anum, Nur Hakimy Nordin, 18, dia memilih cara pembelajaran dalam talian seperti menonton saluran YouTube dan video pembelajaran lain untuk memahami subjek tertentu yang kurang difahami.

Pelajar aliran Perniagaan itu berkata, memandangkan pembelajaran secara bersempena di sekolah berakhir pada 9 Februari lepas, dia terpaksa menggunakan cara yang berseuaian untuk membuat persiapan terbaik.

"Kita terpaksa menggunakan apa sahaja cara yang boleh sebagai 'pecutan terakhir' untuk menghadapi SPM. Seperti saya, bagi subjek tertentu seperti Matematik, saya lebih gemar memilih YouTube untuk memahaminya."

"Selain itu, saya juga membuat banyak latihan dan mengulang kaji kertas peperiksaan SPM lepas untuk memahirkan diri dengan pelbagai bentuk soalan dalam peperiksaan sebenar nanti."

"Perlu diakui, 2020 merupakan tahun sukar untuk kami tetapi apa pun, saya berharap dapat buat yang terbaik untuk diri sendiri dan menggembirakan keluarga," katanya.

Seorang lagi calon SPM



NUR Hakimy mengulang kaji pelajaran bagi menghadapi peperiksaan SPM yang akan bermula 22 Februari ini. (Foto Sumber Nur Hakimy)

2020 dari SMK Paya Rumput, Muhd Syafiq Ikmal Muhd Sabki, 18, pula memilih pembelajaran secara berkumpulan dengan rakan-rakan menjelang peperiksaan sebenar.

"Biasanya kami belajar bersama setiap hujung minggu dalam kumpulan kecil. Saya lebih suka cara begini kerana dapat mengurangkan tekanan, malah lazimnya kita lebih mudah faham apabila rakan berpenerangan."

"Tetapi pada masa sa-ma, saya juga mengikuti ke-las dalam talian dan kelas tambahan yang disediakan guru sebagai persiapan terakhir," ujarnya.

Sementara itu, bagi seor-

ang bapa, Amir Ali Mohamad, 43, mengambil pendekatan untuk menghadiahkan telefon pintar kepada anaknya, Muhammad Syazril, 18 yang merupakan calon SPM 2020 dari SMK Ayer Keroh.

Menurutnya, hadiah dibерikan sebelum menduduki peperiksaan itu bukan untuk menunjuk-nunjuk, sebaliknya dia percaya ia boleh menjadi pemangkin semangat anaknya melakukan yang terbaik dalam peperiksaan.

"Bila dapat hadiah itu, anak saya memang terkejut kerana sudah tentulah anak zaman sekarang mempunyai impian untuk memiliki gajet terkini. Ini satu risiko yang saya

ambil tetapi saya yakin dengan anak saya."

"Alhamdulillah, daripada hadiah tersebut saya dapat melihat kesannya yang mana walaupun dia mengatakan jangan meletak harapan terlalu tinggi, namun dia berjanji untuk berusaha sebaik baik," katanya.

Bagaimanapun, pada masa sama, Amir Ali berharap sesi pembelajaran bersempena dapat diteruskan di sekolah sehingga tarikh peperiksaan memandangkan ia penting untuk mengelakkan suasana dan rentak calon SPM yang akan menduduki peperiksaan berbanding memberikan cuti rehat dua minggu.

## 'Jalan tikus' Paya Rumput - Krubong kembali tenang

**PAYA RUMPUT** – Kebimbangan penduduk Kampung Paya Rumput mengenai kesesakan Jalan Tuan Guru Hj Ahmad yang dijadikan jalan pintas untuk mengelak sekat-jalan raya (SJR) seperti didekahkan Melaka Hari Ini (MHI) baru-baru ini, akhirnya menemui jalan penyelesaian.

Ia apabila pihak polis mula mengadakan pemantauan dan sekatan di pintu masuk dan keluar, termasuk di jalan tengah kampung berkeraaan yang mana anggota bertugas hanya akan membenarkan penduduk kampung sahaja melalui jalan berkeraaan.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Ahmad berkata, selepas be-

rita itu disiarkan, pihak polis bertindak mengadakan pertemuan dengan penduduk kampung bagi menyelesaikan masalah yang membelenggu sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 itu.

Hasil perbincangan itu telah menjurus kepada pemantauan dan sekatan di kedua-dua jalan masuk dan keluar, termasuk di jalan tengah kampung berkeraaan yang mana pihak polis sudah mengadakan pemantauan dan sekatan bermula awal pagi.

"Buat masa ini hanya penduduk kampung sahaja

dibenarkan melalui jalan ini dengan syarat perlu menunjukkan bukti bil elektrik atau air berserta alamat rumah. Jika tiada bukti, kenderaan tersebut difahamkan perlu berpatah balik.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada MHI kerana baru sehari dilaporkan, masalah ini sudah mendapat perhatian yang mana pihak polis sudah mengadakan pemantauan dan sekatan bermula awal pagi."

"Buat masa ini memang kami lega kerana jalan kampung ini sudah mulai tenang dan tidak lagi sesak dengan

kenderaan. Walaupun menerima kecaman ramai pihak, namun kami rasa lebih selamat seperti ini," katanya ketika dihubungi.

Pada 9 Februari lepas, MHI melaporkan jalan kecil di Kampung Paya Rumput berubah menjadi seolah-olah jalan utama apabila ia dilalui ratusan kenderaan termasuk lori dan bas pada setiap hari.

Jalan itu dijadikan jalan pintas orang ramai bagi mengelakkan SJR Paya Rumput iaitu sempadan daerah Alor Gajah dan Melaka Tengah yang dikuatkuasakan sejak PKP 2.0, 13 Januari lalu.



Setinggi-tinggi  
*Tahniah*



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA  
TUN SERI SETIA (DR.)  
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH  
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

**DATUK SERI UTAMA**

Sempena:

**Hari Wilayah Persekutuan 2021**

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DIPERTUA AGONG XVI**

Ikhlas daripada:



**YB DATUK ROSLAN BIN DATUK HJ. AHMAD  
PENGERUSI JAWATANKUASA  
KERJA RAYA, PENGANGKUTAN,  
KEMUDAHAN AWAM DAN INFRASTRUKTUR  
(MERANGKAP AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI MERLIMAU)**



# Setinggi-tinggi *Tahniah*



kepada

**TUAN YANG TERUTAMA  
TUN SERI SETIA (DR.)  
HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM  
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA**

atas penganugerahan:

**SERI UTAMA MAHKOTA WILAYAH  
(S.U.M.W.)**

yang membawa gelaran:

**DATUK SERI UTAMA**

Sempena:

**Hari Wilayah Persekutuan 2021**

Daripada:

**KDYMM SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DIPERTUA AGONG XVI**

Ikhlas daripada:



**YB DATUK NOOR EFFANDI AHMAD  
PENGERUSI JAWATANKUASA  
PENDIDIKAN, PENGAJIAN TINGGI, TEKNIKAL  
& VOKASIONAL SAINS DAN INOVASI  
(MERANGKAP AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI TELOK MAS)**



# MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## Kit makanan kepada mereka yang memerlukan

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Musa'adah Bilik Gerakan Agensi Agama Islam Melaka kekal meneruskan penyampaian bantuan kit makanan kepada mereka yang memerlukan.

Masih terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ini be-

berapa persatuan dan pertubuhan di negeri ini telah menerima sumbangan kit berke-

naan.

“Sumbangan sebanyak 300 kit makanan berserta beras itu mampu mengurangkan keluhan dan beban mereka yang terjejas pendapatan pada ketika PKP 2.0 ini masih dilaksanakan. ,”

Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)

Tidak Berpencen Negeri Melaka turut menerima sumbangan kit makanan baru-baru

naan.

“Masih terjejas berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ini be-



BERAS berkualiti antara kit makanan yang disediakan.



ALIAS menerima kit makanan daripada MAIM.

ini.

Sumbangan sebanyak 300 kit makanan berserta beras itu mampu mengurangkan keluhan dan beban mereka yang terjejas pendapatan pada ketika PKP 2.0 ini masih dilaksanakan.

Pengerusi peratuan itu, Alias Wahab berkata beliau amat berterima kasih kepada MAIM dengan sumbangan yang diberi dan yakin ia mampu membantu mengurangkan beban ahli persatuan berkenaan khususnya mereka yang terjejas pendapatan.

Katanya, ahli persatuan ini tidak mempunyai pencer dan sebahagian mereka hanya bekerja sendiri dan keadaan itu

agak merumitkan serta menjaskan pendapatan harian mereka.

“Kita harap dengan sumbangan yang diberi ini akan memberi sinar baharu untuk mereka menikmati rezeki yang telah disediakan.”

Tambah beliau, sumbangan ini juga boleh menampung sebahagian perbelanjaan harian mereka dan akan memastikan mereka ini tidak keputusan makanan sepanjang tempoh sukar yang melanda negara ketika ini.

Turut menerima sumbangan kit makanan yang sama, Pertubuhan Peladang Negeri Melaka (PPNM) dan juga MAIM Bentara Security.

Ke Manakah Wakaf Anda?



Jam Berwakaf  
Wakaf Tunai Melaka



Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja

Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan

Pembangunan Hartanah Wakaf

Pembaikan Hartanah Wakaf

Kaedah bayaran #1  
MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN

Kaedah bayaran #2  
Download APPS e-WALLET BOOST

Kaedah bayaran #3  
Bayar di Kaunter Wakaf MAIM

Kaedah bayaran #4  
MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM)  
0401 5010 0174 34

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



**SETIAUSAHA MAIM**, Muhammad Ikram Ibrahim menyantuni dan menyampaikan sumbangan wang tunai kepada asnaf dalam DUN Lendu baru-baru ini. Khatijah Injang dan Azmi Mohamed yang menghidap penyakit barah serta hanya terlantar di atas katil mendapat perhatian MAIM dan segala bantuan melibatkan pendidikan anak-anak turut akan diperhalusi sebaiknya.



SEBAHAGIAN asnaf DUN Merlimau menerima sumbangan kecemasan daripada Bahagian Agihan Zakat MAIM cawangan DUN berkenaan bagi tujuan menampung kos perubatan kesihatan asnaf.

# SOP



## MASJID DAN SURAU NEGERI MELAKA SEPAJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

### Solat Jumaat & Fardhu

### MENGIKUT KAPASITI MASJID DAN SURAU



#### MASJID KERAJANAN (Maksimum jemaah sehingga 500 orang).

- Masjid Al Azim (Masjid Negeri Melaka)
- Masjid Sayyidina Ali (Masjid Daerah Melaka Tengah)
- Masjid Ar Rasyidin (Masjid Daerah Alor Gajah)
- Masjid Al Ghaffar (Masjid Daerah Jasin)
- Masjid Selat Melaka
- Masjid Al 'Alami MITC
- Masjid Cina Negeri Melaka (Al Muttaqin)

#### MASJID INSTITUSI (Maksimum jemaah sehingga 250 orang).

- Masjid Sultan Muhammad V, Kompleks Perjaya Sungai Udang
- Masjid Sayyidina Abu Bakar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- Masjid Al Hikmah, Universiti Teknologi Mara Melaka Kampus Alor Gajah
- Masjid Al Ilmi, Kolej Universiti Islam Melaka
- Masjid Salmah Khamis, Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab

#### MASJID KARIAH (Maksimum jemaah sehingga 250 orang).

#### SURAU (Maksimum jemaah sehingga 75 orang).



# SOP

## MASJID DAN SURAU NEGERI MELAKA SEPAJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Bukan warganegara serta kanak-kanak berumur di bawah 12 tahun tidak dibenarkan menghadiri aktiviti di masjid dan surau.



Pendaftaran kehadiran menggunakan mysejahtera atau secara manual.



Kelas Al Quran dan kuliah selain Kuliah Maghrib hendaklah ditangguhkan.



Disinfeksi masjid dan surau hendaklah dibuat sekurang-kurangnya seminggu sekali.



Jemputan penceramah rentas negeri hendaklah ditangguhkan.



Jamuan (sekiranya ada) hendaklah disediakan secara berbungkus.



Pemakaian pelitup mulut dan hidung hendaklah diwajibkan di kalangan jemaah.



Ruangan singgah solat hendaklah disediakan dan disenasi selalu.

# Mengutamakan yang fardhu berbanding sunat

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**KEFAHAMAN** yang benar adalah mendahulukan apa yang lebih wajib berbanding yang wajib. Apatah lagi jika sesuatu yang wajib perlu lebih diutamakan berbanding sesuatu yang sunat. Dalam memahami keutamaan kita perlu bersederhana di dalam perkara-perkara yang sunat. Akan tetapi tidak pula bersederhana di dalam perkara yang wajib. Ini kerana keperluan dan kewajiban sesuatu yang wajib itu adalah sangat jauh bezanya dan lebih besar daripada yang sunat.

Dalam pada itu kefardhuan yang asas tetap menjadi keutamaan yang utama. Seruan terhadap solat dan juga zakat yang digantungkan sebanyak 28 kali di dalam Al-Quran, adalah sesuatu yang harus diambil berat oleh setiap seorang muslim. Maka amat jelek lah mereka yang mendirikan solat akan tetapi meninggalkan zakat. Begitu juga sebaliknya orang yang mengeluarkan zakat tetapi tidak bersolat. Kata Saidina Abu Bakar r.a "Demi Allah, aku pasti memerangi sesiapa yang membezakan antara kewajipan solat dan zakat. Sesungguhnya zakat itu hak terhadap harta. Demi Allah sekiranya mereka tidak mau mengeluarkan tali yang mereka tunaikan sebagai zakat ketika Rasulullah S.A.W. masih

hidup, aku akan memerangi mereka kerana itu."

Adalah menjadi satu kesalahan apabila seseorang itu sibuk melakukan solat dan puasa serta Haji yang sunat berbanding melakukan perkara yang fardhu. Setengah orang sangat rajin di dalam beribadah, mereka bangun di waktu tengah malam untuk bersolat serta berzikir. Namun apabila mereka keluar bekerja, serta dibayar gaji untuk itu dia bekerja di dalam keadaan letih dan lemah.

Sedangkan pekerjaan itu adalah suatu yang wajib bagi dirinya kerana itu adalah kewajipan yang sepatutnya dilaksanakan olehnya. Melakukan pekerjaan itu dengan bersungguh-sungguh adalah lebih utama dan ianya adalah satu kefardhuan berbanding dengan dia bersolat sepanjang malam kerana itu hanyalah perkara sunat. Sekiranya mereka menyedari maka mengabaikan kewajipan itu bermaksud sudah mengkhianati amanah yang telah diletakkan ke atas bahu mereka.

Segolongan yang lain pula mereka berpuasa sunat pada setiap hari Isnin dan Khamis. Puasa itu menyebabkan mereka keletihan di siang hari sedangkan mereka perlu melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka dengan cergas dan bertenaga. Apabila mereka mengutamakan puasa yang sunat itu maka kewajipan yang asal

yang lebih fardhu diutamakan telah mereka tinggalkan. Ini adalah bersalah dengan tunutan agama yang seharusnya mengutamakan yang fardhu berbanding sunat. Maka disebabkan itu kepentingan orang lain juga terganggu kerana puasa yang terkesan kepada dirinya meletikkannya serta memenatkan. Sedangkan puasa itu hanya sekadar puasa yang sunat sahaja.

Tidak kurang juga mereka yang mempunyai kewangan yang lebih, mereka ini melaksanakan Haji dan umrah yang sunat pada setiap tahun. Sedangkan kewajipan menunaikan haji itu hanyalah sekali seumur hidup. Perbuatan ini menyebabkan kesesakan di Kota Mekah disebabkan oleh ketamakan mereka yang mempunyai wang untuk melaksanakan Haji pada setiap tahun. Dalam satu kajian dikatakan bahawa hanya 20 peratus orang yang melaksanakan Haji wajib dan selebihnya hanyalah melaksanakan Haji yang sunat kerana mereka telah melakukannya berkali-kali pada setiap tahun.

Wang yang lebih itu sepatutnya digunakan untuk membantu umat Islam yang lain seperti di Somalia dan di lain-lain tempat. Itu adalah lebih utama berbanding hanya melakukan perkara sunat melaksanakan Haji dan umrah setiap tahun di Mekah. Sebahagian umat Islam yang hidup di dalam kesukaran dan peperangan, amat memerlukan dana-dana ini untuk meneruskan hidup dan melaksanakan perjuangan mempertahankan tanah air mereka.

Maka itulah yang lebih utama dengan melaksanakan kefarduan berbanding melakukan perkara-perkara yang sunat yang dianggap mempunyai pahala yang besar di sisi Tuhan. Sedangkan melaksanakan tuntutan yang wajib juga mendapat ganjaran yang besar. Maka amat penting dalam kita memahami dan mengutamakan perkara yang wajib berbanding melaksanakan perkara yang sunat.

Sebarang pertanyaan, permasalahan dan pengiraan zakat bolehlah menghubungi di talian 06-2812441/42/43 ZAKAT MELAKA atau melayari laman web untuk info lanjut.

**KAUNTER CAWANGAN ZAKAT MELAKA**  
Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

**ALOR GAJAH:** Tingkat Bawah, Bangunan Tabung Hajji, 78300 Masjid Tanah Melaka. No.Tel: 06-384 5453

**JASIN:** Kompleks Pejabat Agama Islam & Meklimah Syarieh Daerah Jasin, 77000 Jasin, Melaka. No.Tel: 06-529 4635

**MERLIMAU:** JC 153, Jalan BMU 7, Bandar Baru Merlimau Utara, 77200 Merlimau, Melaka. No.Tel: 06-263 3148

**IBU PEJABAT:** Zakat Melaka, No 1.3 & 5, Jalan PNBB 1, Pusat Niaga Bukit Baru, Bandar Bukit Baru Seksyen IV, 75150, Bukit Baru, Melaka. No.Tel: 06-281 8154

**Sila Patuhi SOP:**

- Waktu Operasi Ibu Pejabat & Cawangan Zakat Melaka (Alor Gajah, Masjid Tanah, Jasin & Merlimau): 9.00 pagi - 2.00 petang (Isnin - Khamis)  
Ibu Pejabat: 9.00 pagi - 2.00 petang (Jumaat)  
Cawangan: 9.00 pagi - 12.15 tengahari (Jumaat)  
Sabtu, Ahad & Cuti Umum (TUTUP)
- Waktu Operasi Kaunter Zakat Melaka UTC & PULAU SEBANG : DITUTUP SEMENTARA

1-300-88-0233 | www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka | Zakat Melaka

**e-BAYAR**

- > Daftar e-Bayar
- > Log masuk & Pilih bayaran secara terus
- > Pilih agensi (Zakat Melaka)
- > Isikan maklumat
- > Bayar zakat
- > Selesai

**izakat.com**

- > Isikan maklumat
- > Pembayaran melalui online banking

**ZAKAT MELAKA**

**Ejen Bank**

- > Layari perbankan internet & log masuk akaun anda
- > Pilih biller "ZAKAT MELAKA"

**JomPAY**

- > Login Internet Bank
- > Pilih JomPAY
- > Masukkan Biller Kod
- > Simpan Transaksi
- > Selesai

Biller Code : 18226  
Ref-1: Mobile Phone No.  
Ref-2: IC No. / Passport

**BILLER KOD**

- 18226 - Wang Simpanan
- 18333 - Qadha' Zakat
- 18184 - Emas / Perak
- 18242 - Pendapatan
- 18200 - Perniagaan
- 18077 - Pertanian
- 10280 - Ternakan
- 18101 - Saham

1-300-88-0233 | www.izakat.com | Zakat Melaka | zakat.melaka | Zakat Melaka

Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)





SUMBANGAN mesin alat bantuan pernafasan telah disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Noor Effendi Ahmad kepada salah seorang asnaf dalam kawasan berkenaan.

Mesin berkenaan merupakan sumbangan Zakat Melaka (ZM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) kepada mereka yang memerlukan khususnya asnaf yang menghadapi masalah kesihatan. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif ZM, Datuk Ibrahim Fadzil.


## MATAHARI



Penciptaan alam semesta ini adalah untuk memberi manusia melihat, mengkaji dan memikirkan sebagai bukti wujudnya Pencipta Yang Maha Agong.

Allah swt berfirman

*"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi  
dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda  
bagi orang yang berakal".  
Surah Al-Imran Ayat 190*



Penciptaan Matahari adalah tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Matahari mempunyai peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Penciptaan Matahari pada orbitnya adalah perkara yang telah memberi manfaat kepada manusia. Purata jarak Matahari dari Bumi adalah 149,680,000 km = 1AU

Matahari Perihelion – 2 Januari 2021 0.9833 AU  
Matahari Aphelion – 6 Julai 2021 – 1.0167 AU

KETUA Pegawai  
Eksekutif Zakat Melaka  
(ZM), Datuk Ibrahim  
Fadzil menyampaikan  
sumbangan mesin  
oksigen kepada asnaf  
di DUN Asahan  
baru-baru ini.



## Apakah Hikmah Berwakaf (Siri 4)



وَسَارَ عُوَا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَيْكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضُهَا

السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَتْ لِلْمُتَقِينَ

*"Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertaqwa"*

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ وَالْكَظِيمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ

الْكَبَائِرِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

*"Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik"*

(Surah Ali'l Imran ayat 133-134)



# SMART A+

**SOALAN LATIHAN &  
TEKNIK MENJAWAB SPM  
SUBJEK : BAHASA MELAYU**

"JOM SERTAI KELAS TUISYEN 2021  
BERSAMA KIBGIM" /n "Hubungi Kami :  
011-15116270 / 019-2886270".

## TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM

### SOALAN 4 : NOVEL

#### Panduan Menjawab Soalan Novel

Berdasarkan salah sebuah novel, sama ada novel Tingkatan 4 atau novel Tingkatan 5.

Sekiranya arahan soalan berdasarkan 2 buah novel, jawapan mesti daripada 2 buah novel yang berbeza, 1 huriahan jawapan daripada Tingkatan 4 dan 1 huriahan jawapan daripada novel Tingkatan 5.

Jawapan yang ditulis mesti dalam ayat yang lengkap;

- Jawapan boleh ditulis dalam beberapa perenggan - setiap isi dalam perenggan yang berbeza.

Perlu mengemukakan pernyataan isi dahulu sebelum dihurai dengan lengkap:

- Pernyataan Isi :- dinyatakan dalam bentuk umum (kecuali soalan latar masa dan tempat).
- Huriahan :- mesti ditulis secara terperinci seperti mengemukakan peristiwa secara menyeluruh, menyatakan nama watak, latar tempat, masa dan sebagainya.

Pemberian markah;

- Soalan 4 (a) : 7 markah.  
Isi : 4 markah (1 markah pernyataan isi + 1 markah huriahan).  
Bahasa : 3 markah (secara impression-baik, sederhana dan lemah).
- Soalan 4 (b) : 8 markah  
Isi : 3 markah (1 markah pernyataan isi + 2 markah huriahan) / (1 markah pernyataan isi + 1 markah huriahan).  
Bahasa : 2 markah (secara impression - baik , lemah).

Kemungkinan jawapan:

- Isi yang dikemukakan tepat tetapi huriahan jawapan kurang jelas atau salah - Isi yang dikemukakan salah tetapi huriahan tepat dan jelas.
- Jawapan dalam bentuk point form atau ayat yang tidak lengkap.
- Jawapan tidak mewakili novel yang betul contoh novel dipilih Tingkatan 4 tetapi huriahan jawapan daripada novel Tingkatan 5.
- Contoh huriahan salah: peristiwa yang dikemukakan tidak relevan, nama watak, latar tempat salah.

### SOALAN 3 : PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN

JENIS SOALAN	MARKAH	MASA
3a. Binaan Ayat	6 markah	6 minit
3b. Sintaksis	6 markah	6 minit
3c. Kesalahan ejaan dan imbuhan	6 markah	6 minit
3d. Kesalahan kata / istilah dan bahasa	6 markah	6 minit
3e. Peribahasa	6 markah	6 minit

### CONTOH PENDAHULUAN

#### Soalan 3 (a) : MEMBINA AYAT

Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan frasa itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Tidak perlu bina ayat yang terlalu panjang atau meleret (memadai 6 -12 perkataan)

- Ayat yang dibina mesti menerangkan maksud kata yang diuji.
- Ayat yang dibina mesti betul tanda bacanya.
- Mesti membina satu ayat sahaja.
- Boleh membina ayat dengan menggunakan struktur cakap ajuk dengan tanda baca yang betul.

#### Soalan 3 (b): SINTAKSIS

##### 1. JENIS AYAT BM ( ada 4 jenis )

- Ayat Penyata (menyatakan sesuatu): Dia sedang membaca surat khabar
- Ayat tanya: Siapakah yang datang?
- Ayat Seruan (ada tanda seru): Wah, cantiknya baju kamu!

iv. Ayat Perintah (ada 4 jenis : ayat silaan, ayat larangan, ayat suruhan, ayat permintaan)

- Jangan membuang sampah ke dalam longkang. (Ayat Larangan)
- Tolong belikan saya sebatang pensel. (Ayat Permintaan)
- Jemputlah (Silalah) naik ke pentas. (Ayat Silaan)
- Bawa buku-buku ini ke bilik guru. (Ayat Suruhan)

##### 2. POLA AYAT BM - ada 4 pola

- FN + FN - **Dia / adik saya**  
 FN + FK - **Kakak / sedang menjahit baju**  
 FN + FA - **Rumah itu / sungguh cantik.**  
 FN + FS - **Saya / ke Kuala Lumpur semalam.**

##### 3. Tukarkan ayat aktif di bawah ini kepada ayat pasif.

- Saya** telah **memulangkan** **buku itu** dua hari yang lalu.  
**Buku itu** telah saya pulangkan dua hari yang lalu.
- Kamu** telah **memulangkan** **buku itu** dua hari yang lalu.  
**Buku itu** telah kamu pulangkan dua hari yang lalu.

Ayat pasif Kata Ganti Nama Diri Pertama & Kata Nama Diri Kedua sama binaan ayatnya

- Mereka** telah **memulangkan** **buku itu** dua hari yang lalu.  
**Buku itu** telah dipulangkan oleh mereka dua hari yang lalu.

Imbuhan 'ter' pada kata kerja boleh hadir **dalam kata kerja aktif atau kata pasif**. Struktur ayat kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga adalah sama. Contohnya:

- Kakak** terangkat batu yang besar itu.  
**Batu** yang besar itu terangkat oleh **kakak**.
- Saya terambil baju yang berwarna merah itu.  
**Baju** yang berwarna merah itu terambil oleh saya

##### 4. Tukarkan ayat biasa kepada ayat songsang.

Panduan: Kenal pasti subjek ( 1 ), predikat ( 2 )

- Dia ketawa terbahak-bahak.  
 Dia / ketawa terbahak-bahak  
 1                    2

Ketawa terbahak-bahak / dia. ( 2 + 1 )

- Orang kaya itu berhijrah ke luar negara.

Panduan: Kenal pasti subjek ( 1 ), predikat ( 2 ) dan predikat ( 3 )

- Orang kaya itu      berhijrah      ke luar negara.  
 1                        2                        3

**Formula ayat biasa :** 1+ 2+ 3

**Formula ayat songsang :** 2+3+1 / 3+1+2  
 3+2+1 / 2+1+3

- Berhijrah ke luar negara orang kaya itu. (2 + 3 +1)
- Ke luar negara orang tua itu berhijrah. (3 + 1 + 2)
- Ke luar negara berhijrah orang kaya itu. (3 + 2 + 1)
- Berhijrah orang kaya itu ke luar negara.(2 + 1 + 3)

##### 5. Tukarkan ayat cakap ajuk kepada cakap pindah.

"Mengapakah kamu datang lewat hari ini?" tanya Encik Gopal kepada Musa.  
 "Maafkan saya, Encik. Saya terpaksa membawa anak saya ke klinik," kata Musa.  
 "Oh, begitu! Saya maafkan," kata Encik Gopal  
 "Terima kasih, Encik."

(i) "Mengapakah kamu datang lewat hari ini?" tanya Encik Gopal kepada Musa.

(ii) "Maafkan saya, Encik. Saya terpaksa membawa anak saya ke klinik," kata Musa.

a. Musa meminta maaf kepada Encik Gopal dan menjelaskan bahawa dia terpaksa membawa anaknya ke klinik.

• Perkataan 'menjelaskan' boleh ditukar kepada 'memberitahu', 'menerangkan', 'mengatakan'.

b. Musa meminta maaf kepada Encik Gopal dan memberitahu beliau bahawa dia terpaksa membawa anaknya ke klinik.

(iii) "Oh, begitu! Saya maafkan," kata Encik Gopal  
 Encik Gopal memahami masalah Musa dan memaafkannya.

(iv) "Terima kasih, Encik."  
 Musa mengucapkan terima kasih kepada Encik Gopal.

# Alumni aset universiti



MOHD HARIRI MOHAMAD DAUD

**ORASI** tentang peranan alumni universiti mula kedengaran kerana wujud keprihatinan bahawa ketika ini pembangunan universiti memerlukan sokongan para alumni sebagai aset penting universiti.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, institusi pendidikan menyedari kelebihan luar biasa untuk mengintegrasikan urusan akademik, hal ehwal pelajar, pembangunan fizikal universiti dengan jaringan alumni.

Hal ini terbukti dengan beberapa projek sinergi melibatkan kebajikan pelajar, promosi kemasukan universiti, pembangunan akademik melalui sumbangan tunai mahupun tenaga pakar.

Istilah alumni boleh dertiakan sebagai lulusan atau produk dari proses pendidikan yang adun secara komprehensif oleh sistem pendidikan universiti.

Alumni juga adalah bahagian penting untuk membuktikan sistem pendidikan universiti tersebut benar-benar melahirkan graduan yang holistik, berdaya saing dan

berkualiti tinggi sebagai kayu ukur buat ibu bapa atau majikan.

#### PENGLIBATAN ALUMNI

Bicara tentang partisipasi alumni sering dirujuk kepada model yang ditunjukkan oleh universiti-universiti terkemuka dunia seperti Universiti Harvard, Universiti Oxford dan Universiti Al-Azhar yang mempunyai jumlah dana amanah di antara yang terbesar di dunia yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh alumni.

Dana wakaf ini membolehkan universiti-universiti berkenaan mempunyai kemampuan kewangan yang mandiri tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

Di Malaysia, penglibatan alumni dalam proses membuat keputusan dan berkongsi kepakaran dengan universiti bermula dengan pindaan pada Akta 30, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 Pindaan 2009 yang melantik seorang alumni

Selain itu, kewujudan Pusat Alumni Universiti, Persatuan Alumni Universiti, pelantikan alumni sebagai Naib Canselor dan terkini Majlis Alumni Universiti Awam diharapkan mengiktiraf peranan alumni serta merancakkan lagi jaringan alumni dengan universiti.

#### ALUMNI DUTA UNIVERSITI

Ungkapan ‘Jangan ditanya apa negara boleh beri, tapi apa yang boleh kita beri kepada negara’ turut boleh dihayati dalam konteks alumni.

Para Alumni yang lulus dari sesebuah universiti perlu merasakan universiti seperti ibu kandung yang melahirkan dirinya sehingga mempunyai ikatan emosi dan rohani

yang turut merasa tanggungjawab untuk mempertahan, membangunkan dan menyayangi ‘ibu kandung’.

Ada tiga peranan utama boleh dimainkan oleh alumni iaitu pertama meningkatkan enrolmen pelajar dengan mempromosikan universiti.

Calon pelajar akan teruja apabila diberitahu pegawai, usahawan, teknokrat berjaya ini adalah graduan dari sebuah universiti sama ada melalui biodata bertulis, pengenalan sebelum pembentangan atau apa-apa sida-

Promosi tanpa membayar ini dapat melonjakkan prestasi universiti dalam kedudukan terbaik dunia melalui kemasukan pelajar terutamanya pelajar luar negara.

#### MENYUMBANG KEPAKARAN

Kedua, menyumbang kepakaran yang dimiliki. Kehadiran semula alumni sama ada sebagai ahli lembaga pengarah universiti, pensyarah jemputan, ahli jawatankuasa penasihat fakulti, pakar industri dan rakan kongsi projek usahasama dengan universiti melalui pemindahan pengetahuan (knowledge transfer) dapat membantu universiti meningkatkan kualiti akademik, penyelidikan dan hal ehwal pelajar.

Selain itu, alumni boleh menjadi pintu masuk bagi universiti menjalankan penyelidikan atau pembangunan sistem kepada sesebuah organisasi dimana alumni itu bekerja.

Menarik juga dengan apa yang dibuat oleh alumni University of Texas, setiap tahun Alumni menaja retreat tiga hari yang dikenali sebagai Camp Texas bertujuan untuk bertemu dengan pelajar baharu dan diperkenalkan tentang tradisi, ritual, dan semangat University of Texas.

Di Malaysia, penglibatan alumni dalam proses membuat keputusan dan berkongsi kepakaran dengan universiti bermula dengan pindaan pada Akta 30, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 Pindaan 2009 yang melantik seorang alumni

Universiti yang berpengetahuan dan berpengalaman sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti serta boleh membantu Lembaga

#### MEMBANTU DANA UNIVERSITI

Ketiga, memberi sumbangan kepada dana Universiti. Cabaran Universiti pasca COVID-19 ialah untuk mendapatkan dana bagi menyara dan membangunkan universiti serta tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya dengan kerajaan.

Di waktu kritikal ini, ramai pelajar yang memerlukan keperluan komputer riba untuk mengikuti kelas secara atas talian dan ada juga pelajar yang tidak mampu membayar yuran pendaftaran pelajar baharu atau isu-isu kebajikan pelajar lagi yang boleh ditanggung bersama oleh para Alumni atas semangat alma mater dan taawun.


Sehingga kini, majoriti universiti sudah menubuhkan tabung sumbangan dan boleh diakses dengan mudah melalui pelbagai platform aplikasi.

Namun para penyumbang lebih gembira jika setiap sumbangan itu dikhususkan untuk tujuan apa dan dapat dilihat aliran sumbangan tersebut bagi memberi semangat kepada mereka walaupun bukan itu hakikat habuan dikehendaki.

**Penulis merupakan Ahli Lembaga Pengarah (Wakil Alumni) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).**



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN



# A Kedah Island: the stolen past of Pulau Pinang

**THE** story of this island of Kedah is contested. The Eurocentric narrative accords Francis Light the founding status of Pulau Pinang in 1786. This has alienated another perspective. Revisiting the history of the earliest communities who inhabited this island of Kedah before 1786 remains an imperative role for the writing of Malaysian history. It must be remembered and be reminded that the history of Pulau Pinang did not begin from 1786. That year is a myth.

The Malay narrative is forgotten. 1 James Low in 1849 in translating the *Merong Mahawangsa* (The British calls it the *Kedah Annals*), emphasized "It is a History of Kedah on the Malayan Peninsula; and, independently of any intrinsic value which it may possess, it is interesting to the British, since the settlement of Penang and Province Wellesley once formed an integral portion of the country of Kedah (*The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, vol.3, no.1, January 1849).

The narrative of Pulau Pinang, together with Kedah, needs revisiting, rewriting and decolonizing. The island was believed and judged to be *terra nullius* (literally 'nobody's land'), although that belief seems to be apparently fading over the years. This is the template constructing the history of Malaysia too - from the school textbook to public history. Malaysian school history and public history un-

fortunately differ, and may also contradict.

Pulau Pinang is of course, not alone. Parallels are seen with the history and historiography of Singapura.

an emptiness, on the island's past, both by default, and by design.

Pulau Pinang's past destiny echoes that of what historian K.G. Tregonning's declaration that "Mod-

made the declaration to a volume commemorating the 150th anniversary of Raffles in Singapore. The Tregonning remarks represented the prevailing ideology held by historians

of Muzium Negara in Kuala Lumpur? And the bust of King Edward VII in the same location? And this is coming to 64 years of political independence. Colonialism is never benign.

What happened in 1786 is the illegal occupation of Pulau Pinang. It is plunder and vandalism. The colonial past is silent on its own criminality. Light did not commit murder. Stamford Raffles did. It is the criminality of the colonial state. Should the Sultanate of Kedah, and the people Kedah and Pulau Pinang demand a public apology, and reparation from the British for distorting history, and identity? Opening a new chapter in the nation's history renders the old narrative "dibuang habiskan" (stealing a phrase from Raffles on the Palembang Massacre). "

Circumstances are different. Yet Pulau Pinang is as history-starved as her counterpart down south. I have used the term "pengemis sejarah" (beggars of history) in my work on *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang* (2015). There is a stoic absence,

ern Singapore began in 1819. Nothing that occurred prior to this has particular relevance to an understanding of the contemporary scene; it is of an antiquarian interest only".

Tregonning, Raffles Professor of History at the University of Singapore,

of Singapore's past in recent times. This is the template, not only Singapura history, but that of Pulau Pinang, the rest of Malaysia, and the region. It has been argued that nothing very much appeared to have happened in Singapore before Raffles landed.


The history of Pulau Pinang has been framed as a positive outcome of British colonialism. Francis Light as 'founder of Penang? Or the founder of the Port of Penang? Fact, or myth? To accept that the template as a fact of history itself falsifies the past. To be sure there are many roads to the past. The historical narrative is also an argument. Colonial archives are certainly biased. And the Arkib Negara Malaysia has remained as such. Do a word search on 'Masjid Jamek Batu Uban' /or 'masjid Pulau Pinang,' and one finds the line "Masjid Melayu Lebu Aceh dianggap sebagai masjid yang tertua di Pulau Pinang" (The Lebu Aceh Mosque is considered the oldest mosque in Pulau Pinang). That is a colonial narrative.

The colonial template is embedded in our historians, custodians of heritage and policy makers. For example, Francis Light's statue is still displayed in its splendor (marred by the red paint vandalism early 2020). And what is Frank Athelstane Swettenham's statue doing on the grounds

Another story goes that the Sultan of Kedah gave his daughter; or was it a lady from the Kedah court in marriage to Francis Light and offered Pulau Pinang as a dowry, in return of protection by the English East India Company (EIC) against his enemies. The Sultan of Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah claimed that he was merely allowing the British, on certain conditions, to occupy the island while taking care of the Sultan and his Kingdom against his enemies, especially Siam. There was no agreement, no treaty of 1786. Pulau Pinang was never given away. Kedah history needs a revision.

NEXT WEEK:  
**Nakhoda Light**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



# Bilakah anda perlu menjalani ujian endoskopi?



**DR. SHANKAR GUNARASA**



ANDA mungkin pernah terdengar ujian endoskopi, mungkin dari rakan-rakan yang pernah menjalani ujian tersebut atau anda sendiri pernah mengharungi ujian ini. Mungkin banyak akan tertanya-tanya adakah ujian ini akan memberi sebarang kesakitannya? Di harapkan selepas membaca artikel ini, segala keraguan tentang ujian endoskopi ini mendapat sedikit pencerahan.

Sebelum itu, apakah itu sebenarnya ujian endoskopi? Ianya terdiri dari dua jenis ujian iaitu Oesophago-gastroduodenoskopi (OGDS) atau endoskopi gastrousus dan kolonoskopi atau endoskopi usus besar. Endoskopi gastrousus (UGI) adalah kaedah yang digunakan untuk memeriksa bahagian-bahagian usus seperti oesofagus, perut, dan bahagian pertama usus kecil (duodenum).

Begitu juga dengan colonoscopy di mana bahagian lapisan mukosa usus besar dan rektum akan dikaji. Dalam ujian ini, endoskopi yang beralatkan fiberoptik kabel dan berhujungkan kamera nipis dan fleksibel, digunakan dengan memasukkan melalui mulut atau dubur. Visual pergerakan dalam perut atau usus akan ditonton secara serentak oleh doktor melalui skrin.

Jika dibandingkan dengan ujian sinar-X, endoskopi dapat memaparkan beberapa penyakit yang tidak dapat dilakukan oleh sinar-X. Ujian ini akan membantu doktor untuk mencari ulser, keradangan, tumor,

jangkitan atau pendarahan; untuk mengumpul sampel tisu, membuang polip dan merawat pendarahan.

Mengapa ujian endoskopi ini perlu dilakukan? Ujian OGDS biasanya dilakukan untuk

- Menyiasat gejala gangguan penghadaman seperti rasa loya, muntah, kesukaran melenan dan pendarahan gastrousus;
- Sakit di ulu hati selepas pemakanan untuk mengenalpasti masalah gastrik
- Muntah berdarah atau pembuangan najis hitam untuk mengenalpasti ulcer di perut
- Diagnosis untuk kanser oesofagus dan kanser perut

Ujian colonoscopy dilakukan untuk

- Diagnosis kanser kolorektal
- Pembuangan najis berdarah
- Masalah radang usus dan mengenalpasti adakah radang usus itu berpunca dari infeksi atau IBD (inflammatory bowel disease)
- Diagnosis sembelit

Apakah persediaan yang perlu dilakukan sebelum menjalani ujian endoskopi? Anda perlu memberitahu ubatan yang anda sedang ambil seperti

- Aspirin atau jenis ubat yang mengandungi aspirin
- Ubat cair darah
- Ubat kencing manis dan darah tinggi

Ubatan seperti aspirin dan ubat cair darah perlu dihentikan beberapa hari sebelum ujian endoskopi. Ini adalah kerana ubatan ini boleh memberi pendarahan dari lapisan mukosa semasa ujian dijalankan. Jika ini berlaku, sukar bagi doktor untuk meneruskan ujian endoskopi tersebut kerana ia akan memberi visual yang kurang optimal bagi doktor di sebabkan oleh pendarahan ini.

Pesakit juga perlu berhenti makan, minum, merokok dan mengunyah empat hingga lapan jam sebelum ujian bagi memastikan perut kosong untuk mendapat hasil ujian yang tepat dan baik. Bagi ujian colonoscopy pula, anda akan diambil ubat lawas yang diambil sehari sebelum supaya usus bersih semasa ujian tersebut.



Apakah yang berlaku semasa ujian endoskopi tersebut?

Doktor biasanya akan memberikan ubatan untuk membantu anda tidur semasa prosedur dijalankan. Anestetik cecair untuk berkumur atau menyembur anestetik di bahagian belakang kerongkon akan diberikan kepada anda. Anestetik ini menjadikan tekak berasa kebas dan menenangkan refleks gag. Dengan cara inilah, prosedur OGDS dapat dilakukan dengan selesa oleh doktor. Begitu juga dengan prosedur colonoscopy di mana ubat tidur dan penahan sakit akan diberikan sebelum ujian tersebut dijalankan. Yang paling utama, doktor akan memastikan pesakit sentiasa selesa dan selamat semasa prosedur endoskopi ini dijalankan.

Semasa ujian endoskopi, doktor akan memeriksa lapisan mukosa, mengeluarkan polip


dan melakukan biopsy kepada sebarang ketumbuhan. Selepas prosedur ini, pesakit kadangkala akan merasa loya disebabkan kesan anesthetik dan kembung abdomen di sebabkan kesan gas carbon dioksida. Kesan ini hanya akan berlarutan sekita sahaja. Anda juga perlu fahami, ujian ini boleh memberi komplikasi kebocoran usus antara kebarangkalian 0.2%.

Oleh itu, jika doktor anda menasihati untuk menjalani ujian endoskopi, jangan ragu-ragu. Ini kerana ujian ini boleh membantu memberi diagnosis yang tepat dan rawatan yang berpatutan untuk anda.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan ujian endoskopi ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



Pathologi semasa menjalani colonoscopy.



# Sanitasi udara inisiatif cegah COVID-19

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KLEBANG** - Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Klebang mengambil inisiatif untuk melaksanakan program Sanitasi Penyemburuan Udara di beberapa perumahan serta jalan awam sekitar kawasan ini.

Pengerusi Penyelaras JAPE-RUN Klebang, Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad berkata, program itu pertama kali diadakan di negeri ini sebagai usaha untuk membantu kerajaan dalam mencegah penularan COVID-19 di peringkat komuniti.

"Kita sedar kerajaan tiada kemampuan untuk melakukan sanitasi secara meluas di seluruh negara. Sebab itulah kita tampil dengan inisiatif ini untuk manfaat rakyat, khususnya di kawasan DUN Klebang."

"Saya harap usaha ini bukan sahaja dilakukan di Klebang dan menyeru pimpinan masyarakat dan pihak swasta di negeri ini melakukan perkara sama bagi membantu negara melawan pandemik COVID-19," katanya kepada media selepas merasmikan program Sanitasi Penyemburuan Udara di RUTC JPKKK Klebang Besar, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah SWCorp Melaka, Khairul Adha Mutalib dan



MOHAMAD Ali (kiri) ketika menyempurnakan perasmian program tersebut. Foto: MR. Azli

Pengerusi Pertubuhan Pembela Klebang Besar Datuk Mohd Yusof Abu Hassan merangkap penyelaras program.

Mohamad Ali berkata, program itu mendapat kerjasama SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) dan SW Corp yang

menyediakan dua buah lori dan lengkap semburan udara.

Katanya, setiap lori menyediakan 3,000 liter cecair pembasmi

kuman dan telah digerakkan untuk melakukan semburan di sekitar Pulau Gadong, Klebang dan Batang Tiga.

**RESIDENSI**  
**Bukit Katil**

Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka



#### Kemudahan Yang Ditawarkan:

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

#### Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini



JENIS B1: 1,000 kps  
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

DISKAUN REBAT  
**10% + 10%\***

HARGA BERMULA DARIPADA  
**RM 186,300\***

\*Tertakluk pada terma & syarat

**AG BUMI  
HARTANAH**

RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)

510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka

Pejabat: 06 - 286 5120

wiramagr@gmail.com

Isnin - Jumaat

(9.00 Pagi - 5.00 Petang)



[www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my)

Ibu Pejabat PRIMA

03 - 7628 9898

Isrin hingga Ahad (9.00 pagi - 6.00 petang)

E-mel: info@prima.my

Muat turun aplikasi PRIMA sekarang



PEMAUJU: PRIMA CORPORATION MALAYSIA GALERI; TINGKAT BAWAH, BLOK F, NO. 2, JALAN PJU 1A/7A, OASIS DAIRANSAHA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7495 8888 FAX: 603-7840 0268 • Nombor lesen Peragu: 14/69-4501-2021/014321P • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 – 15/1/2021 • Nombor Permit Iklan dan Jualan: 14/69-4501-2021/014321P • Tempoh Sah Laku: 16/1/2020 – 15/1/2021 • Nombor Perlesen Majlis Bandaraya Melaka Bersegerah • Nombor Pelan Bangunan Diluluskan: MB/BU/KB/CD011/02/2016/9 • Pembangunan Perumahan Residensi Bukit Katil • Bilangan Unit: 527 • Jenis Rumah: Apartment • Harga Jenis A (minimum) RM200,000 (maksimum) RM392,000 • Harga Jenis B (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Harga Jenis C (minimum) RM250,000 (maksimum) RM297,000 • Pegangan Tanah: Pegangan Boleh Tanah Adat Melaka • Sekatan Kepentingan: Tiada • Belahan Tanah: Tiada • Tarikh Dijangka Sup Mac 2023

# Bangkit daripada kemusnahan kolam akibat banjir

Din Ahmad

**TABOH NANING** - Banjir yang merosakkan kolam penternakan ikan dan beribu-ribu ikan terlepas keluar di Kampung Sungai Buloh, di sini pada September tahun lalu tidak melemahkan semangat pengusaha industri penternakan ikan air tawar.

Sebaliknya, pengusaha terbaik yang juga pendakwah bebas, Mohd Uda Kasim, 53, tidak berputus asa dan berusaha gigih membina semula kolam untuk menjana dana pusat tafhib al-Quran yang bakal dimajukannya.

Dengan memanfaatkan baki modal yang masih ada, bekas pegawai Lembaga Zakat Selangor itu mengorek semula kolam yang rosak akibat banjir bagi memulakan kembali industri penternakan ikan air tawar.

Beliau berkata, selepas mengalami kerugian akibat kejadian itu, beliau berusaha mengumpulkan semula dana untuk membiayai kos mengorek semula kolam seluas kira-kira tiga suku padang bola di Kampung Sungai Buloh, di sini.

"Saya mengusahakan pusat tafhib di Bukit Kuda, Klang, Selangor sejak beberapa tahun lalu dan sekarang saya bercadang membuka pusat yang sama di kampung halaman saya di sini."

"Bermodalkan kira-kira RM6,000 saya mengupah pemandu jentera pengorek mendalamkan

semula kolam dan membina tebing yang lebih kemas sebelum memasukkan kira-kira 40,000 anak ikan keli dan tilapia merah bulan depan," katanya ketika ditemui di kampung itu baru-baru ini.

Mohd Uda yang pernah dikenali ramai kerana sering muncul dalam program agama terbitan Selangor FM berkata, banjir September lalu menyebabkan ribuan ikan keli dan tilapia merah dalam kolamnya serta kolam pengusaha lain terlepas keluar.

Katanya, walaupun ketika itu kolamnya tidak dipenuhi ikan seratus peratus, ia tetap menyebabkan kerugian dan kini beliau berusaha memulakan semula industri berkecuaan.

"Allah ambil harta saya dan harta pengusaha penternakan ikan yang lain dalam sekilip mata tetapi kita jangan berputus asa dengan rahmat Allah kerana setiap musibah itu ada hikmah di sebaliknya," katanya.

Beliau menjelaskan, tapak tafhib kira-kira 100 meter dari kolam berkenaan setakat ini masih dipenuhi pokok hutan dan akan dibersihkan tidak lama lagi bagi membolehkan kerja pembinaan tafhib dimulakan.

Katanya, pelajar pusat berkecuaan akan dibimbang kaedah memelihara ikan, menangkap dan memasarkannya bagi menjana pendapatan untuk membiayai kos operasi tafhib.



MOHD Uda menunjukkan kolam ikan yang sudah digali semula untuk memulakan industri penternakan ikan air tawar di Kampung Sungai Buloh, Alor Gajah, baru-baru ini.

Beliau berkata, kolam berkenaan mampu memuatkan kira-kira 40,000 anak ikan keli dan tilapia merah yang mendapat pasaran memuaskan di sekitar daerah Alor Gajah dan bandar raya Melaka.

Katanya, usaha mendapatkan dana melalui pemasaran ikan adalah sebahagian daripada kaedah untuk memastikan kelangsungan operasi pusat tafhib dan tidak seharusnya ia hanya bergantung kepada

yuran pelajar dan infaq oleh orang ramai.

Mereka yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian dengan melayari Facebook Ustaz Uda Kasim.

## 'Spiderman' jual mangga asam boi

Farah Suhaidah Othman

**SUNGAI RAMBAI** - Gelagat seorang lelaki memakai kostum adiwira 'Spiderman' ketika menjual mangga asam boi bukan sahaja menghiburkan pelanggan, malah ia dianggap mampu menjadi pakaian pelindung diri (PPE) kepada dirinya.

Itu kreativiti Noraiman Ibrahim, 19, yang muncul memakai kostum berkenaan sambil melambai-lambai bagi menarik pelanggan untuk membeli produk jualannya di persimpangan lampu isyarat Jalan Merlimau – Batu Gajah, Lebuhraya Alor Gajah – Merlimau – Jasin (AMJ), dekat sini.

Dia berkata, kostum itu dibelikan oleh majikannya untuk dijadikan sebagai pelaris kepada pengguna jalan raya untuk membeli jualannya.

"Boleh kata juga saya me-

makai baju Spiderman ini untuk melindungi diri daripada penularan COVID-19 ketika bekerja.

"Dalam melakukan kerja ini, kita kena percaya, seandainya sudah ditakdirkan terkena virus (COVID-19), saya tawakal sahaja sebab risiko ada di mana-mana," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Mengulas lanjut Noraiman berkata, meskipun hampir enam jam sejak 10 pagi terpaksa berpanas terik memakai kostum itu, namun dia tidak pernah mengeluh malah menganggap gelagatnya mampu menceriakan pelanggannya.

Dia berkata, dia mula menjual mangga sejak setahun sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dikuatkuasakan kerana mahu mencuba pengalaman baharu selain bebas menentukan masa sendiri untuk be-

kerja.

"Mula-mula saya hanya mengikut orang yang tinggal di kawasan rumah untuk menjual, namun sampai satu tahap, saya mula selesa dan dapat jumpa bermacam orang, selain melakukan ibadah sebab dapat menghiburkan pelanggan."

"Saya pakai kostum ini cuma mahu tarik pelanggan, mahu buat anak-anak pelanggan gembira dan antara pengalaman yang saya masih ingat lagi ketika menjual di Batu Pahat, ada seorang pelanggan berbangsa Cina datang untuk mengambil gambar dan kemudian tolong kami habiskan jualan," katanya.

Bagi Mat Hafiz Hamidan, 30, yang mengenakan kostum animasi Tanjiro Kamado, dia tidak mempunyai pilihan lain untuk menyara kehidupannya bersama isteri selepas diberi

cuti tanpa gaji oleh majikan di sebuah kilang di Muar tiga bulan lalu.

Katanya, pada mulanya dia menjual mangga kerana mahu menambah pendapatan, namun meletakkan jawatan sebagai pekerja kilang kerana mahu menumpukan sepenuh perhatian terhadap penjualan mangga.

"Kalau dulu, kerja kilang ikut masa dan undang-undang tempat kerja tetapi sekarang ikut kesesuaian masa kita, namun perlu berusaha lebih sekiranya mahu mendapat rezeki lebih."

"Pada permulaan memang ada rasa malu serta memikirkan pandangan orang terhadap kita namun apabila melihat rakan-rakan sekerja boleh, jadi saya nekad serta cabar diri sendiri untuk jual mangga," katanya yang menerima komisen bagi setiap balang mangga tersebut.



NORAIMAN menyifatkan pemakaian kostum Spiderman dapat dijadikan sebagai PPE.



Mohamad Fazrul

# Enam lokasi memancing popular di Melaka

**SELAIN** terkenal sebagai negeri pelancongan dan bersejarah, tahukah anda bahawa Melaka juga menjadi antara lokasi popular dalam kalangan kaki pancing?

Ya, ia bukan sekadar auta, sebaliknya Melaka sememangnya antara lubuk yang paling digemari khususnya bagi penggemar pancingan pantai (surfcasting).

Malah, beberapa pantai di negeri ini juga sering dijadikan lokasi wajib bagi penganjuran pertandingan memancing berskala besar memandangkan pantainya yang luas dan boleh menempatkan ribuan kaki pancing seluruh negara.

Atas faktor itu juga menjadikan populariti sukan memancing di negeri ini kian meningkat saban tahun, sekali gus memberi nilai tambah kepada ekonomi negeri dan penduduk setempat.

Memandangkan aktiviti memancing secara perseorangan sudah dibenarkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, kolumn Variasi kali ini ingin membawakan antara enam lokasi memancing popular di Melaka:

## 1. Pantai Puteri

Bukan lagi pantai yang asing untuk aktiviti berkelah dan perkhemahan memandangkan lokasinya yang strategik dan dikelilingi pohon rhu yang merimbun. Di samping itu, pantai sepanjang 2.5 kilometer ini juga turut menyimpan 1001 khazanah laut yang menjadikannya cukup popular bagi kaki pancing melepaskan 'gian'.

Boleh dikatakan, lokasi ini jarang menghampakan kaki pancing jika kena pada tempat dan waktunya. Kebiasaannya, waktu perubahan air laut dari besar menyongsong kecil antara waktunya terbaik untuk memancing di sini.

Antara ikan yang sering dijadikan buruan kaki pancing di sini ialah ikan jenahak, senangin, kerapu, sembilang, gelama dan daun baru. Malah, rekod menunjukkan ada pemancing yang pernah menaikkan ikan pari seberat 32 kilogram di sini!

## 2. Empangan Pulau Gadong

Empangan Pulau Gadong di Klebang merupakan kawasan yang menemui air sungai dan laut. Empangan ini diwujudkan bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di kampung berhampiran apabila tibanya musim hujan dan fenomena air pasang besar.

Sejak ia dinaik taraf, lokasi di sekitar empangan itu sering dijadikan tempat memancing dalam kalangan penduduk kampung.

Antara ikan yang sering dijadikan buruan di situ ialah keli, haruan dan patin. Malah ikan air payau seperti siakap dan bulan (tarpon) juga pernah didararkan kaki pancing di kawasan itu.

Namun, awas, sungai berkenaan turut menjadi habitat bagi sang bedal.

## 3. Pengkalan Balak

Satu lagi pantai peranginan Melaka yang menjadi antara lokasi pilihan untuk memancing. Sejak ia dibangunkan menjadi kawasan eko-pelancongan, Pengkalan Balak sering dijadikan pilihan oleh pelancong dari luar negeri Melaka untuk datang berehat dan memancing bersama seisi keluarga.

Jangan tidak percaya, bila kena pada air yang sesuai anda boleh mendaratkan ikan pari mega bersaiz belasan hingga puluhan kilogram di sini.

Selain pari, antara ikan lain yang boleh dijadikan sasaran ialah sembilang, gelama, bebolos, daun baru dan senangin. Di sini juga menjadi 'port' popular untuk memancing ketam menggunakan joran dan jaring khas.

## 4. Tambak Limbongan

Apabila pesisir pantai di Klebang dan Limbongan ditambah suatu ketika dahulu bagi tujuan pembangunan, ada segelintir pihak yang mentantang kerana khawatir ia akan memusnahkan ekosistem laut.

Namun, bagi kaki pancing, lain pula ceritanya. Tambakan itu dikatakan memberi peluang kepada mereka untuk meneroka lebih banyak lubuk-lubuk baharu terutama apabila daratan kini berhampiran dengan Pulau Upah.

Difahamkan, beberapa kawasan tertentu

di sini sering dijadikan tempat bagi kaki pancing memburu spesies ikan gred A, antaranya ikan jenahak, tebal pipi, kerapu, dan kurau.

## 5. Sungai Paya Lebar

Sungai Paya Lebar, Sungai Rembau dan Kuala Linggi yang terletak di sempadan Melaka dan Negeri Sembilan turut menjadi antara lokasi memancing yang boleh diterokai.

Dengan dikelilingi pemandangan paya bakau di sekeliling sungai dan santuari buaya, kawasan yang digelar 'Amazon Melaka' dikatakan menjadi lokasi terbaik memancing udang galah di sekitar Melaka.

Selain udang galah, kaki pancing juga boleh memburu ikan air masin seperti duri, sembilang dan pari yang turut mendiami kawasan sungai berkenaan.

## 6. Pantai Siring

Tidak lengkap rasanya jika tidak menyenaraikan Pantai Siring di Daerah Jasin sebagai antara lokasi pancingan yang wajib dicuba.

Tidak hanya memancing di tepi pantai, kaki pancing juga boleh memilih untuk memancing di beberapa kelong yang terbaik di sini.

Selain itu, kawasan ini juga kian meningkat popularitinya dalam kalangan pemancing kayak dalam dan luar Melaka memandangkan terdapat banyak lubuk ikan yang boleh diterokai di sini.

Antara spesies yang menjadi buruan di sini ialah jenahak, kerapu, tebal pipi, senangin dan gelama.



**EMPANGAN PULAU GADONG...**  
Ikan bulan menjadi antara buruan kaki pancing di sini selain ikan keli dan haruan.



SUNGAI PAYA LEBAR...Lokasi pemburuan udang galah popular di Melaka.

PANTAI PUTERI...Antara ikan pari yang pernah dinaikkan di Pantai Puteri.

# MUFC jelaskan hutang hampir RM1 juta

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**KELAB** Bolasepak Melaka United (MUFC) telah berjaya menjelaskan tunggakan pembayaran gaji, elaun dan caruman pemain serta pegawai berjumlah hampir RM1 juta menjelang pembukaan saingan Liga Malaysia 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif MUFC Datuk Mohd Saiful

Mat Sapri berkata antara tunggakan yang telah dijelaskan termasuklah membabitkan tunggakan gaji dan elaun pemain import musim lalu, Uche Agba serta bekas pemain, Curran Lawrence Singh Ferns.

Manakala bagi tunggakan seorang lagi bekas tonggak pertahanan import musim lalu, Narupon Wild

Putsorn, pula jelasnya, ia akan dilunaskan dalam masa terdekat.

"Kita akan selesaikan sedikit masa lagi bagi mengelakkan tindakan larangan pendaftaran pemain pada jendela perpindahan kedua Liga Malaysia 2021," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Mohd

Saiful memaklumkan pembayaran tunggakan gaji dan elaun pemain serta pegawai pasukan Melaka United musim 2020 juga sudah mula dibayar mengikut jadual pembayaran yang telah disersetuju antara kedua-dua belah pihak.

Pembayaran berjadual itu ujarnya, membabitkan seramai 17 pegawai pasukan musim lalu dan 18 pemain yang masih kekal bersama skuad Hang Tuah.

Selain itu, beliau berkata pihaknya juga telah berjaya melunaskan tunggakan keseluruhan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) manakala tunggakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sudah mula dibayar mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan.

"Usaha menyelesaikan segala tunggakan bagi memastikan penyertaan MUFC dalam saingan Liga Malaysia 2021 yang dijadualkan bermula 5 Mac 2021 tidak berdepan masalah dan tidak dikenakan tindakan yang boleh menjelaskan imej bola sepak Melaka," katanya lagi.



MOHD Saiful

## Safee harap Liga-M tidak ditangguh

**PENGANJURAN** saingan Liga Malaysia (Liga-M) 2021 perlu tetap berjalan dan tidak boleh ditangguhkan lagi, kata penyerang berpengalaman Kuala Lumpur United FC (KLUFC) Mohd Safee Sali.

Mengambil contoh saingan La Liga di Sepanyol, beliau berkata dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat serta pematuhan terhadap garis panduan tersebut, saingan berkenaan masih berlangsung mengikut jadual dirancang walaupun terdapat kes positif COVID-19 dalam kalangan pemain.

Jelasnya, kerjasama terjalin antara Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) dan La Liga perlu dimanfaatkan sepenuhnya dan pendekatan digunakan pengelola Liga Sepanyol itu boleh dipraktikkan untuk memastikan kelangsungan saingan Liga-M dalam tempoh mencabar ketika ini.

"Memang kita risau jika ada peningkatan kes COVID-19 liga akan ditangguh, mungkin boleh belajar daripada La Liga, walaupun ada pemain positif COVID-19 liga terus bergerak ke hadapan dalam apa jua situasi."

"Jadi jika ada masalah peningkatan kes selepas ini apabila liga sudah berjalan, saya rasa kita boleh contoh La Liga dan apa dilakukan mereka termasuk pematuhan SOP ketat untuk kekal meneruskan liga," katanya ketika sesi bersama media secara dalam talian anjuran MFL dan La Liga, baru-baru ini.

Impak COVID-19 menyaksikan saingan Liga Super dan Liga Premier musim lepas yang bermula pada Mac terpaksa ditangguh sehingga penghujung Ogos manakala beberapa pertandingan utama Liga-M antaranya Piala FA dan Piala Malaysia dibatalkan.

Musim ini, saingan Piala FA kekal dikeluarkan daripada kalender perlawanan dan saingan liga yang sepatutnya bermula pada 28 Februari terpaksa ditangguh kepada 5 Mac depan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tiada masalah untuk kita mempelajari dan mengikut



**SAFEE**...Saingan Liga-M 2021 perlu tetap berjalan dan tidak boleh ditangguhkan lagi.

yang baik dari mereka (La Liga) dan kita ikut untuk kemajuan liga sendiri. Jadi saya harap tiada lagi liga ditangguh selepas ini jika kes meningkat," kata bekas tonggak skuad kebangsaan itu.

Pada 9 Februari lepas, MFL mengesahkan saingan Liga-M 2021 akan tetap berjalan pada 5 Mac depan selepas kerajaan bersetuju membenarkan pasukan bertanding dalam saingan Liga-M, Liga Hoki Malaysia (LHM) dan Liga Sepak Takraw (STL) menjalankan sesi latihan berpasukan bermula 15 Februari.- BERNAMA



**SAFIQ** kembali sertai JDT bagi saingan Liga Malaysia (Liga-M) 2021 yang dijangka bermula pada 5 Mac depan. (Foto Kredit FB JOHOR Southern Tigers)

## Safiq Rahim kembali sertai JDT

**BEKAS** - BEKAS kapten pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) Safiq Rahim bakal kembali menarung jersi pasukan itu bagi saingan Liga Malaysia (Liga-M) 2021 yang dijangka bermula pada 5 Mac depan.

Berita kepulangan pemain berusia 34 tahun itu dipaparkan menerusi satu video ringkas berdurasi 28 saat yang dimuat naik dalam laman Facebook JOHOR Southern Tigers pada 10 Februari lepas, dengan kemunculannya disambut rakan sepasukan Matthew Davies dan Aidil Zafuan Abdul Radzak.

Safiq pernah menyertai JDT dari 2013 hingga 2018 sebelum berpindah ke Melaka United.

Dalam pada itu, pemilik JDT Tunku Ismail Sultan Ibrahim turut memberi komen ringkas dalam laman Instagram pasukan bola sepak itu sekali gus mengesahkan kepulangan Safiq dalam skuad Harimau Selatan.

Sepanjang bersama skuad Harimau Selatan sebelum ini, Safiq yang merupakan bekas perancang tengah JDT, membantu pasukan itu menjulang beberapa kejuaraan termasuk Piala Malaysia, Piala FA, Piala Sumbangsih, Liga Super dan Piala AFC.- BERNAMA

# SELAMAT MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2021

Ikhlas daripada



Mamee-Double Decker (M) Berhad

Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696

[www.mamee.com](http://www.mamee.com)

# Sukan



MELAKA UNITED  
FOOTBALL CLUB

« MUFC JELASKAN  
HUTANG HAMPIR  
RM1 JUTA

● Lihat muka 22



## Tiga import perkasa MUFC

**KELAB** Bolasepak Melaka United (MU) bakal diperkuatkan dengan tiga pemain import baharu bagi menghadapi saingan Liga Super 2021 yang bakal membuka tirainya pada 5 Mac depan.

Pemain baharu yang ditandatangani skuad Hang Tuah ialah Alex dos Santos Gonçalves dari Brazil serta pemain berdarah Jerman-Filipina, Manuel Gelito Ott.

Alex dos Santos, 30, yang bakal menggalas tugas selaku pel edak sebelum ini pernah beraksi bersama kelab di sekitar Brazil, Romania, Turki dan Indonesia. Kelab terakhirnya ialah Persikabo 1973 yang beraksi dalam saingan Liga 1 Indonesia musim lalu.

Manakala Ott, 28, yang beraksi di posisi tengah merupakan pemain kebangsaan Filipina sejak 2010 bakal mengisi kuota pemain import Asia Tenggara (ASEAN) dan pernah beraksi bersama kelab Thai League 1, Ratchaburi Mitr Phol.

Selain itu, seorang lagi penyerang import baharu ialah Stefan Nikolić, pemain kelahiran Montenegro yang kini sedang menjalani tempoh kuarantin di ibu negara.

Kesemua pemain itu diumumkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Hajji Sulaiman Md Ali rangkap Presiden Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) pada majlis menandatangani kontrak pemain di pejabatnya, di Seri Negeri, Ayer Keroh pada 11 Februari lepas.

Selain pemain baharu, turut diumumkan lanjutan kontrak dua pemain import lama iaitu Sony Norde dan Jang Suk-Won yang akan bermain di posisi sayap dan pertahanan.

Sulaiman pada sidang media selepas itu berkata, beliau yakin kehadiran tonggak import baharu dan muka lama yang dikekalkan dapat memantapkan skuad bola sepak Melaka sepanjang musim ini.

“Saya yakin kesemua pemain yang dibawa masuk dan dikekalkan merupakan pilihan yang tepat setelah dikaji dalam pelbagai sudut oleh pihak pengurusan.

Jadi, bagi memastikan kelancaran pasukan dengan kehadiran beberapa pemain baharu, kita akan mengadakan siri perlawanan persahabatan yang telah diatur dengan beberapa pasukan.

“Insya-Allah, daripada perlawanan persahabatan itu kita akan dapat melihat apakah kelebihan yang dimiliki pemain baharu dan bagaimana untuk menyatukan semua kemahiran itu bagi membentuk skuad terbaik musim ini,” katanya.



**Safiq Rahim  
kembali  
sertai JDT**

● Lihat muka 22

## Safee harap Liga-M tidak ditangguh

PENGANJURAN saingan Liga Malaysia (Liga-M) 2021 perlu tetap berjalan dan tidak boleh ditangguhkan lagi, kata penyerang berpengalaman Kuala Lumpur United FC (KLUFC) Mohd Safee Sali.

Mengambil contoh saingan La Liga di Sepanyol, beliau berkata dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat serta pematuhan terhadap garis panduan tersebut, saingan berkenaan masih berlangsung mengikut jadual dirancang walaupun terdapat kes positif COVID-19 dalam kalangan pemain.

Jelasnya, kerjasama terjalin antara Liga Bola Sepak Malaysia (MFL) dan La Liga perlu dimanfaatkan sepenuhnya dan pendekatan dipraktikkan untuk memastikan kelangsungan saingan Liga-M dalam tempoh mencabar ketika ini.

● Lihat muka 22

